



13 FEB, 2022

## ECRL capai kemajuan 27 peratus

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

## ECRL capai kemajuan 27 peratus

**Kuala Terengganu:** Projek Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijadualkan siap pada Disember 2026 sudah mencapai kemajuan lebih 27 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak, berkata projek membabitkan tiga negeri di Pantai Timur dan Selangor itu berjalan lancar walaupun berlaku kelewatan disebabkan masalah teknikal.

“Memang alami kelewatan, tetapi dengan perkembangan sekarang, kita boleh ‘catch up’ balik. Secara keseluruhannya, boleh capai kemajuan lebih baik pada tahun ini.

“Insya-Allah, untuk jajaran Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, iaitu jajaran Seksyen A, B dan C1 akan siap pada Disember 2026 dan beroperasi pada 1 Januari 2027,” katanya selepas Majlis Jalinan Kasih Keluarga Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Bersama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Kastam, di sini semalam.

Darwis berkata, pengambilan tanah bagi projek ECRL di Terengganu dan Pahang juga berjalan lancar dengan kemajuan proses mencapai tahap 89 peratus dan dijangka selesai pada 2023.

Rangkaian rel sepanjang 665 kilometer (km) yang merangkumi 59 terowong dengan panjang keseluruhan 61km serta beberapa jejambatan dengan panjang keseluruhan 127km itu dijadual siap pada Disember 2026. Anggaran kos bagi projek berkenaan adalah RM50.27 bilion.

Pembinaan membabitkan Jajaran Seksyen A dari Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu, manakala Seksyen B dari Dungun ke Mentakab, Pahang dan Seksyen C dari Mentakab ke Pelabuhan Klang, Selangor.



13 FEB, 2022

## ECRL capai kemajuan 27 peratus

Berita Hari Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuala Terengganu: Projek Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijadualkan siap pada Disember 2026 sudah mencapai kemajuan lebih 27 peratus. Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak, berkata projek membabitkan tiga negeri di Pantai Timur dan Selangor itu berjalan lancar walaupun berlaku kelewatan disebabkan masalah teknikal. "Memang alami kelewatan, tetapi dengan perkembangan sekarang, kita boleh 'catch up' balik. Secara keseluruhannya, boleh capai kemajuan lebih baik pada tahun ini.